

Headline	Tahun terbaik TNB buru gelaran treble		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	320 cm <sup>2</sup>	Journalist	ADAM ZAMRI
PR Value	RM 39,255		



# Tahun terbaik TNB buru gelaran *treble*

**Oleh ADAM ZAMRI**  
adam.karim@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) berpotensi menambah satu lagi trofi musim ini apabila turun dalam aksi suku akhir Piala TNB menentang Kuala Lumpur City esok.

TNB telah pun meraih dua kejuaraan, bermula Piala Sumbangsih pada awal musim dengan mengalahkan Pasukan Hoki Terengganu (THT) dan terbaharu menamatkan penantian 21 tahun untuk bergelar juara Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024.

Justeru kapten pasukan, Syed Syafiq Syed Cholan merasakan ini adalah tahun terbaik untuk menyapu bersih semua piala dalam saingan hoki tempatan, sekali gus bergelar juara *treble*.

“Tahun ini kita meletakkan sasaran tinggi, dan kita telah berjaya mencapai dua gelaran, jadi kini kita mahu buru gelaran yang ketiga pula iaitu Piala TNB.

“Prestasi kami dalam liga amat memberangsangkan, dan menunjukkan peningkatan perlawanan demi perlawanan. Kami mahu membawakan momentum ini ke Piala TNB,” kata Syafiq kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas kejayaan TNB menjulang gelaran juara Liga musim ini, Syafiq mengakui ia detik yang cukup manis buat dirinya selepas 11 tahun menabur bakti untuk pasukan ini.

Tambahnya, salah satu kunci kejayaan pasukan ini adalah dengan kehadiran pakar pukulan sudut penalti dari Korea Selatan, Jang Jong Hyun.

Ironinya, Jong Hyun sebelum ini sering menjadi watak pemusnah buat TNB ketika beraksi untuk pasukan lawan, dan kemasukannya sebagai pemain import pertama TNB selepas beberapa musim membawa kesan yang positif kepada pasukan.

“Syukur akhirnya saya berjaya julang gelaran ini. Sebagai pemain hoki negara, inilah trofi tertinggi yang menjadi idaman setiap pemain kami dambakan sebelum ini,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai TNB Global Business Solutions (TGBS), Datuk Ahmad Hushairi Ibrahim berkata, kejayaan merangkul Piala Liga TNB-MHL 2024 telah mengakhiri penantian selama 21 tahun yang mana kali terakhir TNB memenangkannya pada 2003.



**PEMAIN** pasukan TNB meraikan kejayaan menjuarai Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024 selepas menumpaskan JM Antsbees 22-1 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, kelmarin. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI